

**TEKS UCAPAN  
YB DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID  
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR  
BANDAR**

**MINI KARNIVAL ASPIRASI KELUARGA  
MALAYSIA FELCRA BERHAD  
BANTING, SELANGOR  
TARIKH: 9 OKTOBER 2022 (ISNIN)**

**ASSALAMUALAIKUM  
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH  
DAN SALAM SEJAHTERA**

**SALUTASI**

(Akan diberikan pada hari program)

**PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izin dan inayahNya, kita dapat berhimpun pada hari ini dalam semangat dan azam baharu yang terus membara.

2. Pertemuan ini merupakan satu peluang yang baik untuk kita berkongsi dan berinteraksi sesama kita di dalam suasana mesra yang berteraskan **Aspirasi Keluarga Malaysia.**
  
3. Sebelum saya meneruskan ucapan, saya ingin mengambil kesempatan bagi merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada FELCRA Berhad serta pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program ini.



2. Saya telah dimaklumkan bahawa nasi ambeng ini telah dimasak secara gotong royong oleh ahli masyarakat di sekitar Daerah Sepang ini. Ia merupakan penghormatan buat saya kerana masakan ini adalah hidangan tradisional masyarakat Jawa yang merupakan golongan majoriti di daerah ini.
  
3. Saya amat mengetahui bahawa masyarakat Jawa ini merupakan masyarakat yang terkenal dengan tutur kata yang lembut, berbudi bahasa serta memuliakan tetamu. Ia

mencerminkan perilaku sebenar  
warga Melayu Jawa ini.

Hadirin yang dimuliakan,

## **INISIATIF MEMBANDARKAN LUAR BANDAR**

4. Pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor sentiasa mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan dari setahun ke setahun.
5. Pembangunan ekonomi di Negeri Selangor yang dikecapi boleh dinilai

melalui jumlah pelaburan yang diperoleh oleh Negeri Selangor yang telah merangsang pertumbuhan pesat kepada pembangunan ekonomi setempat yang merangkumi nilai pelaburan dari dalam dan luar negara.

6. Di Negeri Selangor, FELCRA Berhad telah membangunkan tanah seluas 1,827.33 hektar tanah dengan tanaman sawit yang memberikan manfaat kepada 2,274 orang peserta. Pembangunan yang FELCRA Berhad laksanakan di Selangor telah berjaya

menaikkan nilai pasaran hartanah luar bandar sehingga ada yang mencecah sehingga RM1juta seekar.

7. Nilai pasaran hartanah ini meningkat naik menerusi proses perbandaran yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) melalui FELCRA Berhad. Dalam usaha meningkatkan kualiti dan memartabatkan masyarakat luar bandar, KPLB memfokuskan kepada pelaksanaan projek atau program *touch points* yang dapat memberikan manfaat menyeluruh kepada rakyat



menerusi pembangunan prasarana, ekonomi, perumahan dan pendidikan.

8. Dalam program Rolling Plan RMK 12, KPLB telah menyalurkan peruntukan kepada FELCRA Berhad hampir RM162juta yang akan dimanfaatkan untuk program-program menaiktaraf infrastruktur ladang, ameniti sosial dan program ekonomi luar bandar.
9. KPLB menyambut baik aspirasi Kerajaan untuk meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup masyarakat serta menjadikan kawasan luar bandar lebih selesa didiami dengan

penyediaan pelbagai kemudahan dan aksesibiliti sama seperti di kawasan bandar.

## **MENGHAYATI NILAI KESYUKURAN**

10. Kejayaan demi kejayaan yang dicapai oleh FELCRA ini wajib disyukuri oleh seluruh rakyat Malaysia khususnya para peserta FELCRA kerana hanya dengan bersyukur, rezeki kita akan bertambah. Tambahan pula, sebagaimana peribahasa ada menyebut, “Berbudilah pada tanah, pasti akan ada hasilnya.”

11. Kata-kata ini sangat benar kerana melalui perancangan pembangunan tanah secara terancang yang dilakukan oleh FELCRA, ditambah dengan usaha berterusan yang digembleng oleh para peserta FELCRA sendiri jelas berhasil membawa pelbagai manfaat yang telah dinikmati oleh rakyat Malaysia.
  
12. Antaranya seperti peluang pekerjaan yang berterusan, pembangunan kawasan penempatan, jaringan jalan raya dan kawasan perniagaan berpusat yang berkembang pesat

sehingga membentuk kawasan perbandaran mega atau urbanisasi yang tidak pernah terlintas di fikiran masyarakat terdahulu.

13. Malah sistem pendidikan seperti sekolah dan institusi pengajian tinggi juga telah banyak dibangunkan setelah berkembangnya tanah-tanah yang telah diusahakan dari awal.
14. Justeru, saya mewakili kerajaan Malaysia dan kementerian saya di KPLB ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terdiri daripada agensi kerajaan

seperti FELCRA Berhad dan lain-lain serta para peserta yang berusaha dan bertungkus lumus membangunkan tanah melalui usaha-usaha perladangan terancang dan sistematik kerana andalah sebenarnya yang meneruskan denyut nadi negara untuk terus bernyawa dan menghirup udara pembangunan demi kesinambungan masyarakat akan datang.

## **KESTABILAN NEGARA**

15. Baru-baru ini terdapat laporan, kebimbangan dan pertanyaan terutamanya berkaitan harga barangan yang terus meningkat, kedudukan nilai matawang ringgit, serta prospek pemulihan ekonomi negara.
  
16. Sebagai ekonomi yang terbuka dengan nilai keseluruhan perdagangan luar merangkumi hampir 120% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Malaysia tidak terkecuali daripada

mengalami kesan ketegangan geopolitik dan perubahan iklim dunia.

17. Sekiranya konflik Rusia-Ukraine berterusan, ia akan memberi implikasi kepada komoditi dan turut memberi kesan kepada harga barang. Tindakan beberapa negara menghentikan eksport makanan seperti India dan Indonesia, juga akan memburukkan lagi keadaan.
18. Namun, saya berharap seluruh Keluarga Malaysia terus yakin dengan kepimpinan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob

dimana beliau telah mengarahkan agar semua kementerian yang berkaitan sentiasa memantau keadaan semasa dan terus komited dalam melaksanakan langkah proaktif seiring dengan perubahan senario ekonomi global, yang lazimnya di luar kawalan kita.

19. Secara keseluruhan, langkah dan komitmen Kerajaan ini akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan dan inklusif untuk seluruh Keluarga Malaysia.



20. Alhamdulillah, usaha yang dilaksanakan oleh agensi di bawah KPLB seperti FELCRA Berhad adalah antara penyumbang kepada inisiatif dalam membantu masyarakat luar bandar dalam membangunkan ekonomi dan pendapatan mereka.

## **BAJET 2023**

Tuan / Puan yang saya kasihi sekalian,

21. Pada 7 Oktober yang lalu, Kerajaan melalui Menteri Kewangan YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz telah

membentangkan Bajet 2023 di Parlimen Malaysia. Melalui pembentangan tersebut saya dapat menyifatkan ia sebagai langkah tepat ke arah pencapaian luar bandar sejahtera yang digariskan oleh kementerian.

22. Ini dapat dilihat apabila Bajet 2023 untuk KPLB meningkat sebanyak 4 peratus atau hampir RM424.9 juta berbanding tahun 2022, ia sekalligus menunjukkan komitmen kerajaan Keluarga Malaysia melaksanakan

agenda kesejahteraan rakyat di luar bandar.

23. Berdasarkan kepada jumlah berkenaan saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Perdana Menteri dan Menteri Kewangan di atas peruntukan RM10.93 billion kepada KPLB dan ia merupakan bajet yang inklusif dan menyeluruh dalam memastikan tiada golongan yang tertinggal termasuk B40 dan warga luar bandar.

24. KPLB akan terus menyokong usaha yang dilaksanakan oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan menerusi Bajet 2023 dalam memperkukuh pemulihan, membina daya tahan dan memacu pembaharuan yang akan memberi manfaat kepada 8.09 juta penduduk luar bandar.
  
25. Peruntukan Bajet 2023 KPLB ini meliputi RM3.62 bilion peruntukan mengurus dan RM7.31 bilion bagi peruntukan pembangunan.

26. Menerusi peruntukan ini, Insha Allah saya memberi jaminan lebih banyak projek pembangunan akan dapat dilaksanakan di kawasan luar bandar bukan sahaja dari segi infrastruktur tetapi juga dari segi ekonomi dan modal insan.
  
27. Ini seterusnya dapat menyokong pembangunan sosio-ekonomi serta mewujudkan persekitaran kehidupan luar bandar yang sejahtera seperti mana yang digariskan dalam Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030.

## **PENUTUP**

28. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada FELCRA Berhad kerana berjaya menganjurkan program pada hari ini.
29. Dengan berakhirnya kata-kata itu tadi saya dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, merasmikan **Mini Karnival Keluarga Malaysia FELCRA Berhad, Banting Selangor.**

**SEKIAN, WASSALAMUALAIKUM  
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.**